

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XX)3**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA  
YB. DR. AFIF BIN BAHARDIN**

3. Pada awal Januari tahun ini, YAB Ketua Menteri telah menyatakan kesediaan Negeri Pulau Pinang menjadi *cashless state* pada Mac 2020.
- (a) Apakah status terkini dan langkah Kerajaan Negeri dalam merealisasikan matlamat ini?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

3. Y.A.B. Ketua Menteri dalam sidang media semasa program e-dompot Touch 'n Go (TNG) pada 3 Januari 2020 telah membuat kenyataan bahawa transaksi tanpa tunai merupakan salah satu daripada inisiatif yang perlu dilaksanakan bagi mencapai hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadi sebuah Negeri Pintar Bertaraf Antarabangsa selaras dengan Visi Penang 2030: *A Family Focused, Green and Smart State*. Walau bagaimanapun, beliau tidak menyatakan Negeri Pulau Pinang akan menjadi *cashless state keseluruhannya* pada bulan Mac 2020.
- (a) Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) telah membawa dimensi baharu alam digital dalam kalangan masyarakat dunia. Seiring dengan dunia globalisasi, masyarakat negeri ini juga tidak ketinggalan dalam mengasimilasikan alam digital dalam kehidupan harian termasuklah penggunaan e-tunai. Untuk merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri menjadikan Pulau Pinang sebuah *cashless state*, Kerajaan Negeri amat menggalakkan usaha jabatan dan agensi melalui pelaksanaan integrasi sistem-sistem, pendigitalan proses kerja, penggunaan Internet of Things (IoT), pengukuhan keselamatan siber, penggunaan analitis data raya (BDA),

*Cloud Computing, machine learning, dan blockchain.* Penyediaan infrastuktur ini akan membentuk eko sistem yang sesuai bagi Negeri Pulau Pinang menjadi sebuah *cashless state*.

Sehubungan dengan itu, satu Jawatankuasa Transaksi Tanpa Tunai telah ditubuhkan pada 2 Januari 2020 dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa. Jawatankuasa tersebut dianggotai oleh Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT), Bank Negara Malaysia, Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Majlis Bandaraya Seberang Perai, institusi perbankan dan penyedia perkhidmatan *e-money*. Tujuan jawatankuasa tersebut ditubuhkan adalah bagi menyelaraskan usaha-usaha mengerakkan inisiatif ini dalam kalangan tiga (3) kumpulan sasaran iaitu agensi kerajaan, pelanggan dan peniaga.

Bagi menggerakkan usaha transaksi tanpa tunai untuk semua urusan kerajaan, pihak Bahagian Kerajaan Tempatan telah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pelaksanaan Transaksi Tanpa Tunai Untuk Urusan Kerajaan. Sehubungan itu, Bahagian Kerajaan Tempatan telah merangka enam (6) strategi bagi menggerakkan inisiatif ini seperti berikut:-

- (i) Mempertingkatkan penggunaan sistem e-bayar di semua agensi Kerajaan Negeri;
- (ii) Memperbanyakkan transaksi pembayaran menggunakan sistem e-bayar iaitu sistem bayaran tanpa tunai sedia ada yang telah dibangunkan oleh Kerajaan Negeri;
- (iii) Menambahkan penggunaan kaedah pembayaran tanpa tunai yang lain seperti *e-money* dan *e-wallet* bagi perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri;
- (iv) Melaksanakan kempen kesedaran penggunaan pembayaran tanpa tunai secara kerjasama dengan pelbagai pihak seperti Bank Negara Malaysia, Pihak

Berkuasa Tempatan (PBT) dan penyedia perkhidmatan kewangan;

- (v) Melaksanakan program pendidikan penggunaan pembayaran tanpa tunai secara bersasar. Program ini akan diadakan secara *roadshow* di program-program besar melibatkan Kerajaan Negeri. Insentif juga akan diberikan kepada pengguna yang membayar secara tanpa tunai di *roadshow* tersebut; dan
- (vi) Mengadakan perbincangan dengan syarikat telekomunikasi untuk mempertingkatkan perkhidmatan internet di premis kerajaan untuk memudahkan transaksi tanpa tunai dilaksanakan.

Jawatankuasa bagi kumpulan sasar pelanggan dan peniaga turut dibentuk dengan dipelopori oleh Bank Negara Malaysia. Strategi yang dirangka adalah memfokuskan pelanggan dan peniaga seperti berikut:-

- (i) Melaksanakan kempen bagi menarik minat peniaga menggunakan kaedah tanpa tunai. Kempen ini boleh dilaksanakan melalui kerjasama dengan persatuan peniaga. Beberapa peniaga contoh yang telah menggunakan kaedah pembayaran tanpa tunai dan merasai sendiri kebaikan kaedah ini boleh ditonjolkan dalam kempen tersebut;
- (ii) Menggalakkan penggunaan pembayaran tanpa tunai di pasar awam dan pasar malam. Melalui penyediaan perkhidmatan ini di lokasi tumpuan masyarakat akan memudahkan penerimaan masyarakat kelak;
- (iii) Menyediakan insentif khusus kepada peniaga. Insentif ini boleh diberi oleh pihak PBT dan penyedia perkhidmatan kewangan melalui *cashback* atau potongan bayaran lesen perniagaan; dan
- (iv) Mengadakan perbincangan dengan syarikat telekomunikasi untuk mempertingkatkan perkhidmatan internet di pasar-pasar awam untuk memudahkan transaksi tanpa tunai dilaksanakan.

Kerajaan Negeri melalui Bahagian Kerajaan Tempatan pada ketika ini sedang bekerjasama dengan Bank Negara Malaysia untuk melaksanakan inisiatif tanpa tunai di pasar-pasar awam milik Pihak Berkuasa Tempatan. Sehubungan dengan itu, Pasar Awam Taman Tun Sardon telah dikenal pasti sebagai lokasi projek perintis yang akan dilaksanakan selepas tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tamat dengan kerjasama syarikat *e-money* yang berminat. Cadangan ini juga dilihat menepati saranan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk rakyat negara ini mengekalkan penjarakkan sosial sehingga selepas tempoh PKP tamat bagi memastikan rantai virus COVID-19 dapat diputuskan sepenuhnya.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu MBPP dan MBSP turut memperkenalkan inisiatif jualan makanan dalam talian untuk membantu penjaja dan peniaga kecil. MBPP telah menyediakan satu platform berkonsepkan perniagaan secara atas talian *Jom Beli Online @ MBPP*, bagi membantu peniaga dan penjaja kecil yang terjejas dengan pandemik COVID-19. Platform berkenaan adalah mesra pengguna kerana tidak perlu memuat turun sebarang aplikasi, sebaliknya hanya perlu melayari laman sesawang MBPP dan membuat pesanan makanan menerusi pautan projek *Jom Beli Online @ MBPP*. Sebagai permulaan, inisiatif ini akan menumpukan kepada para peniaga Kompleks Makanan MBPP sahaja, dan seterusnya akan diperluaskan kepada peniaga bazar Ramadan serta pasar awam.

MBSP pula sedang membangunkan portal eBazar Ramadan bagi membantu peniaga meneruskan perniagaan melalui dalam talian. Dalam portal berkenaan, semua peniaga di Seberang Perai yang mempunyai laman sosial antaranya *Facebook* dan *WhatsApp* akan didaftarkan dan jualan mereka akan dimasukkan ke dalam e-Katalog Bazar Ramadan yang boleh dipilih oleh pengguna. Portal tersebut akan memberi peluang kepada semua peniaga yang terkesan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk mencari rezeki pada Ramadan ini. Penjaja dan peniaga kecil yang berminat boleh melayari laman

sesawang MBSP untuk menyertai e-Katalog Bazar Ramadan ini.

Kerajaan Negeri percaya melalui strategi ini, hasrat untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai Negeri yang melaksanakan transaksi tanpa tunai bagi semua urusan akan berjaya seterusnya dapat merealisasikan Visi Penang 2030 iaitu menjadi sebuah Negeri Pintar Bertaraf Antarabangsa.